

Dah penat, letih...

■ 300 penduduk dibelenggu banjir sejak lapan tahun lalu

Penat dan letih. Itu gambaran kepada 300 penduduk Taman Tengku Bendahara Zaman, Pandamaran, dekat sini, yang berdepan masalah kawasan kediaman mereka dinaiki air setiap kali hujan lebat sejak lapan tahun lalu.

Dalam kejadian terbaru minggu lalu, rumah mereka dinaiki air hingga paras 0.5 meter menyebabkan penduduk kebimbangan terutama ketika cuaca tidak menentu ketika ini.

Hujan lebat sejak baru-baru ini menyebabkan 60 rumah di taman perumahan itu terjejas akibat air memasuki kediaman mereka.

Penduduk, Nona Putih, 75, mengakui tidak menyangka hujan lebat pada jam 2.30 petang itu mengakibatkan rumahnya dimasuki air dengan mendedak hingga memenuhi ruang kediamannya itu.

"Saya terkejut melihat rumah dibanjiri air selepas terjaga daripada tidur dan terus menghubungi anak bagi membantu menyelamatkan barangan rumah kerana sudah berusia dan tidak berupaya mengangkanya seorang diri.

"Kawasan ini sering berlaku banjir kilat setiap kali hujan lebat dalam tempoh beberapa jam dan kami perlu bersiap sedia pada waktu itu kerana kemungkinan air masuk ke rumah," katanya.

Nona yang sudah lebih 40 tahun tinggal di situ berkata, dia serta pendu-



KEADAAN perangkap sampah yang tidak diselenggara dan dipenuhi sampah-sarap.



KEADAAN kawasan kunci air di Taman Tengku Bendahara Zaman.

duk lain bukan saja penat mengemas rumah selepas banjir, tetapi sering dibelenggu perasaan bimbang ketika hujan tidak kira

siang atau malam.

Katanya, antara punca berlakunya banjir itu kerana sampah yang memenuhi parit dan sungai menyebab-

kan ia tidak mampu menampung air ketika hujan.

Penduduk Nur Ain Mohd Fadzil, 44, berkata, walaupun kawasan itu sering di-

FOTO: MOHD ASRI SAIFUDDIN



**“Kami
sekeluarga
yang baru pulang
dari Ipoh, Perak
terkejut melihat
kawasan
perumahan banjir”**

Nur Ain

landa banjir kilat setiap kali hujan lebat, namun minggu lalu kejadian pertama tahun ini rumah mereka dinaiki air selepas kejadian sama pada 2013.

"Kami sekeluarga yang baru pulang dari Ipoh, Perak terkejut melihat kawasan perumahan banjir dan air masuk ke rumah melepasi paras tembok yang dibina untuk menghadang banjir.

"Kerana penat selepas menempuh perjalanan jauh, kami bermalam di hotel berhampiran," katanya.

Nur Ain sudah tujuh ta-

hun mendiami kawasan itu berkata, kelewatan membuka pintu pada kunci air yang memisahkan sungai dan laut menyebabkan air yang melimpah ketika hujan tersekat.

"Banjir surut setengah jam selepas pintu kunci air itu dibuka, tetapi kami perlu memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) supaya membukanya," katanya.

Sementara itu, Pemangku Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK) Zahrin Md Nasir berkata, punca banjir kilat di Pandamaran disebabkan hujan lebat dalam tempoh singkat mengakibatkan sistem perparitan tidak dapat menampung kapasiti hujan dan berlakunya limpahan.

Beliau berkata, pihaknya mendapati sistem perparitan perlu dinaik taraf dan penyelenggaraan lebih kerap akan dilakukan MPK.

"Baru-baru ini MPK bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang membuat permohonan kepada JPS Selangor untuk menaik taraf kunci air

'Flap Gate' kepada pintu kawalan air automatik bersama pam elektrik yang mampu menyalurkan air perparitan ke sungai dalam kapasiti besar.

"Kerja menaik taraf berkenaan dijangka dimulakan tahun depan selepas reka bentuk disiapkan," katanya.